

| | |
|--|---|
| <p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan sama ada untuk membuka Akaun Pelaburan e-Emas CIMB Bank. Pastikan anda juga membaca Perjanjian Akaun Pelaburan e-Emas CIMB Bank.)</p> | <p>CIMB BANK BERHAD [197201001799 (13491-P)] ("Bank")</p> <p>Akaun Pelaburan e-Emas CIMB Bank</p> <p>Tarikh: 18 Oktober 2021</p> |
| 1. Apakah produk ini? | |
| <p>a) Akaun Pelaburan e-Emas CIMB Bank (eGIA) adalah akaun yang membolehkan pelanggan membeli komoditi emas tulen 99.9% pada harga harian dalam Ringgit Malaysia (RM) tanpa perlu menyimpan emas fizikal.</p> <p>b) Anda dikehendaki membuka dan memegang akaun simpanan atau akaun semasa dengan Bank atau akaun simpanan-i atau akaun semasa-i dengan CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] ("Akaun Gabungan Yang Ditetapkan") dan membernarkan Bank mendebit Akaun Gabungan Yang Ditetapkan untuk, antara lainnya, menjelaskan pembelian emas oleh anda dan hasil penjualan emas akan dikreditkan ke dalam Akaun Gabungan Yang Ditetapkan.</p> <p>c) eGIA boleh dibuka semata-mata dalam nama seorang individu atau dalam nama 2 tetapi tidak lebih daripada 3 orang.</p> <p>d) Jika eGIA dibuka secara bersama dalam nama 2 atau 3 orang, pengendalian eGIA melalui CIMB Clicks tidak dibenarkan.</p> <p>e) Tiada emas fizikal akan dikeluarkan di bawah eGIA dan sebarang permintaan untuk pengeluaran emas fizikal tidak akan dilayan.</p> | |
| 2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini? | |
| <ul style="list-style-type: none"> • Pembelian awal minimum: 1 gram • Pembelian atau penjualan seterusnya dalam gandaan 1 gram • Jumlah prinsipal tidak dijamin • Tiada faedah dibayar terhadap eGIA • Aset dasar: komoditi emas tulen 99.9% <ul style="list-style-type: none"> • Beli dan jual pada bila-bila masa dalam waktu perniagaan biasa apabila CIMB Bank dibuka kepada orang ramai untuk melaksanakan perniagaan perbankan • Jika eGIA dibuka dalam nama tunggal pelanggan, juga boleh membeli dan menjual melalui CIMB Clicks antara pukul 8:30 pagi dan 11:30 malam, Isnin hingga Ahad, tidak termasuk cuti awam kebangsaan di Malaysia ("Waktu Transaksi"). • Untuk eGIA yang dibuka dalam nama tunggal: Beri arahan melalui CIMB Clicks untuk membeli emas apabila harga emas mencapai atau lebih rendah daripada harga emas yang ditetapkan atau menjual emas apabila harga emas mencapai atau melebihi harga emas yang ditetapkan oleh anda dalam Waktu Transaksi dan tertakluk kepada had transaksi dibenarkan maksimum untuk pembelian dan penjualan emas melalui CIMB Clicks. | |
| 3. Apakah terma dan syarat penting produk ini yang perlu saya ketahui? | |
| <p>a) Selepas pembelian permulaan emas, setiap pesanan pembelian atau penjualan selepas itu apabila diterima oleh Bank adalah tak boleh batal dan hendaklah untuk tidak kurang daripada satu (1) gram emas dan kuantiti dalam gandaan penuh satu (1) gram emas.</p> <p>b) Untuk eGIA yang dibuka dalam nama tunggal: (i) Jumlah maksimum yang dibenarkan untuk pembelian dan penjualan melalui CIMB Clicks adalah agregat kumulatif enam ribu (6,000) gram emas sehari dan (ii) Setiap pesanan pembelian dan penjualan dalam Waktu Transaksi adalah tertakluk kepada had lanjut iaitu had maksimum tiga ratus (300) gram emas bagi setiap pesanan pembelian atau penjualan.</p> <p>c) Harga setiap gram untuk setiap penjualan atau pembelian adalah harga dalam Ringgit Malaysia (RM) setiap gram yang disebut harga oleh Bank menurut budi bicara tunggal dan mutlak Bank dengan mengambil kira semua faktor yang dianggapnya relevan, termasuk keadaan pasaran semasa dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau mana-mana mata wang asing lain yang diguna pakai) dan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas.</p> <p>d) Anda berhak menutup eGIA dengan menjual semua emas di dalamnya kepada Bank pada harga pembelian yang disebut harga oleh Bank pada masa penjualan dan semua hasil penjualan akan dibayar kepada anda dalam Ringgit Malaysia dengan mengkreditkan Akaun Gabungan Yang Ditetapkan. Di samping itu, eGIA akan dianggap ditutup jika kelihatan dalam buku Bank sebagai mempunyai baki sifar, setelah semua emas yang ada dalam eGIA dikeluarkan atau melalui operasi undang-undang.</p> | |

AMARAN: AKAUN PELABURAN e-EMAS ("eGIA") BUKAN PRODUK YANG DILINDungi JUMLAH PRINSIPALNYA DAN BUKAN AKAUN YANG DIBERIKAN FAEDAH. PULANGAN TERHADAP eGIA BERGANTUNG KEPADA TURUN NAIK HARGA EMAS, PULANGAN TERHADAP PELABURAN EMAS ANDA ADALAH TIDAK PASTI DAN ANDA MENANGGUNG RISIKO TIDAK MEMPEROLEHI APA-APA PULANGAN DAN/ATAU KEMUNGKINAN MENANGGUNG KERUGIAN. ANDA DINASIHATKAN AGAR MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PERJANJIAN AKAUN PELABURAN e-EMAS CIMB BANK DAN MEMBUKA eGIA BERDASARKAN PERTIMBANGAN ANDA SENDIRI DAN/ATAU NASIHAT BEBAS YANG DIPEROLEHI. PRODUK INI TIDAK DILINDungi OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Semua fi dan caj yang dinyatakan dalam jadual di bawah adalah tidak termasuk sebarang cukai yang berkenaan.

| | |
|--|--|
| Fi Perkhidmatan Tahunan | RM5.00 (sekiranya baki emas dalam eGIA jatuh lebih rendah daripada 5 gram pada 31 Disember) |
| Penutupan eGIA dalam masa 6 bulan dari tarikh pembukaannya | RM10.00 |

5. Apakah risiko utama yang terlibat?

eGIA merupakan produk yang jumlah prinsipalnya tidak dijamin, akaun yang tidak diberikan faedah dan tidak dilindungi oleh PIDM. Pulangan bersih terhadap eGIA bergantung kepada keadaan pasaran dalam pasaran emas yang tidak menentu. Pulangan terhadap pelaburan pelanggan dalam emas adalah tidak pasti dan wujud risiko bahawa tiada pulangan yang diperolehi dan/atau kemungkinan menanggung kerugian. Pelanggan dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Perjanjian Akaun Pelaburan e-Emas CIMB Bank dan membuka eGIA berdasarkan pertimbangan mereka sendiri dan/atau berdasarkan nasihat bebas yang diperolehi.

Pelabur terdedah kepada risiko berikut:

Risiko Penentuan Harga

Harga pembelian/penjualan emas yang disebut harga akan ditentukan oleh CIMB Bank menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya dengan mengambil kira semua faktor yang dianggapnya relevan, termasuk keadaan pasaran semasa dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (atau mana-mana mata wang asing lain yang diguna pakai) dan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas.

Risiko Pasaran

Anda perlu mengambil perhatian bahawa pelaburan anda mungkin terdedah kepada ketidakpastian disebabkan oleh faktor ekonomi, sentimen pasaran yang mungkin berbeza bergantung kepada hasil satu atau lebih faktor pasaran. Ini juga termasuk kemungkinan bahawa anda akan menanggung kerugian yang besar terhadap pelaburan anda jika pergerakan pasaran atau keadaan pasaran bergerak dalam cara yang memudaratkan anda.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan saya berubah?

Anda perlu memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan pada butir-butir hubungan anda untuk memastikan semua surat-menjurat diterima oleh anda tepat pada masanya.

7. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai pelaburan anda dalam eGIA, sila rujuk kepada buku kecil *bankinginfo* mengenai 'Investing Your Money', yang boleh didapati di semua cawangan kami dan di laman web www.bankinginfo.com.my.

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi kami di:

CIMB Bank Berhad
Peti Surat No 10338
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Kuala Lumpur
Tel: 03 6204 7788
Laman web : www.cimbbank.com.my
Atau lawati mana-mana cawangan CIMB Bank kami di seluruh negara

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini dikeluarkan pada 18 Oktober 2021 dan sah sehingga semakan berkala yang seterusnya.

AMARAN: AKAUN PELABURAN e-EMAS ("eGIA") BUKAN PRODUK YANG DILINDUNGJUMLAH PRINSIPALNYA DAN BUKAN AKAUN YANG DIBERIKAN FAEDAH. PULANGAN TERHADAP eGIA BERGANTUNG KEPADA TURUN NAIK HARGA EMAS, PULANGAN TERHADAP PELABURAN EMAS ANDA ADALAH TIDAK PASTI DAN ANDA MENANGGUNG RISIKO TIDAK MEMPEROLEHI APA-APA PULANGAN DAN/ATAU KEMUNGKINAN MENANGGUNG KERUGIAN. ANDA DINASIHATKAN AGAR MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PERJANJIAN AKAUN PELABURAN e-EMAS CIMB BANK DAN MEMBUKA eGIA BERDASARKAN PERTIMBANGAN ANDA SENDIRI DAN/ATAU NASIHAT BEBAS YANG DIPEROLEHI. PRODUK INI TIDAK DILINDUNGJI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.